

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**APRIL 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini disediakan

oleh

**ABDUL AL HALIM BIN MOHD AL FADZIL**

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN BAGI KENKO FISH SPA & SPA  
DI LOT 7 DAN 9 JALAN TENGGAT TONG SHIN, BUKIT BINTANG, 55100 KUALA LUMPUR**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_

Puan Nurrajwani binti Abdul Halim

Koordinator Kursus : \_\_\_\_\_

Puan Mawar binti Masri

Koordinator Program : \_\_\_\_\_

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Bin Abdul Rashid

(Tandatangan / Tarikh)

## **Abstrak**

Laporan Kajian Akhir (THE 386) adalah hasil analisa berdasarkan cadangan projek untuk semester akhir. Laporan kajian ini mengandungi kronologi dan perkembangan projek dari mula hingga akhir. Semua informasi dan maklumat kajian adalah yang terkini dan mengikut garis format yang dikeluarkan oleh Jabatan Senibina Dalaman, Universiti Teknologi MARA.

Semua data dan maklumat kajian yang dihasilkan dalam bentuk tulisan yang lengkap diterangkan dalam bentuk graf, gambarajah dan diagram yang bertujuan untuk memberikan panduan visual yang mudah difahami. Ia juga merupakan sebahagian daripada kriteria yang dikehendaki oleh Jabatan Senibina Dalaman.

Laporan kajian akhir dilakukan untuk projek KENKO iaitu Spa ikan dan Refleksologi yang memberikan imej tradisional Melayu dan 'rustic' selain menitikberatkan strategi pemasaran. Konsep rekabentuk yang ingin dicapai ialah kehidupan dalam Rumah Tradisional Melayu dan teknologi lama dan antik yang dipraktikkan oleh etnik Melayu Lama terhadap sesebuah ruang dalaman.

Laporan kajian akhir ini juga mengandungi kajian penuh terhadap proses merekabentuk sebuah spa dan pusat refleksologi. Kaedah-kaedah kajian ini termasuklah kajian terhadap keperluan ruang, kehendak klien, proses penataan ruang dalaman dan proses merekabentuk ruang spa. Diharapkan laporan kajian akhir ini akan menjadi rujukan yang lengkap.

## Isi Kandungan

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii-vii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii-ix
Senarai Foto	x
Senarai Lampiran	x
Senarai Singkat Kata	xi

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	PENGENALAN SPA	1-5
1.2	SKOP KAJIAN	6-7
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	8
1.4	MATLAMAT KAJIAN	9
1.5	KEPENTINGAN KEPADA MASYARAKAT	10-11

1.6	KAJIAN METODOLOGI	12-13
<b>BAB 2.0</b>	<b>KLIEN</b>	
2.1	SEJARAH KLIEN	
2.1.1	PENGASAS	14-15
2.1.2	PRODUK DAN SERVIS	16-23
2.2	CARTA ORGANISASI	24
2.3	VISI DAN MISI	25
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	26
<b>BAB 3.0</b>	<b>KAJIAN DAN ANALISA</b>	27
3.1	ANALISA TAPAK	28-29
3.1.1	POTENSI TAPAK	30-35
3.1.2	ORIENTASI MATAHARI DAN ANGIN	36
3.1.3	PENGANGKUTAN	37-38
3.2	ANALISA BANGUNAN SEDIA ADA	39-43
3.2.1	STRUKTUR BANGUNAN	44-50
3.2.2	KEMASAN DALAM BANGUNAN	51-52
3.3	KEMASAN DALAM BANGUNAN	53-54
3.4	RUMUSAN	55

## 1.1 PENGENALAN SPA

Apabila kita berbicara mengenai spa di Malaysia, ramai yang menganggap spa adalah rumahurut. Kebanyakan pengunjunnya terdiri daripada kaum Adam. Bagi kaum hawa pula, mereka lebih tertarik untuk mengunjungi salun-salun kecantikan dan pusat-pusat rawatan muka. Fenomena inilah yang perlu diubah untuk memberi gambaran yang sebenar mengenai suasana spa secara realiti kepada masyarakat di Malaysia. Populariti juga kurang diberikan terhadap spa berkenaan fungsi dan kepentingannya dalam menjaga kesihatan diri. Dengan terhasilnya cadangan ini, diharapkan ia dapat menarik minat masyarakat Malaysia untuk berkunjung ke spa.

Sejak dari dahulukala lagi, manusia amat mementingkan kecantikan dan penampilan diri mereka. Jika kita lihat sejarah perkembangan dunia kecantikan, ianya bermula dengan kepercayaan dan adat sesebuah masyarakat. Sebagai contoh, masyarakat India akan melumurkan diri mereka dengan minyak kelapa ketika menyambut Hari Deepavali. Ianya bertujuan untuk membuang anasir-anasir jahat dalam diri seseorang. Dari segi kecantikan pula, minyak kelapa dapat menghaluskan kulit dan mengharumkan bau badan.

Dalam masyarakat Melayu pula, kecantikan ditafsirkan kesihatan dalaman dan juga luaran. Jiwa yang bersih daripada perkara-perkara yang tidak elok juga memberi kesan kepada kecantikan seseorang terutamanya kepada kaum wanita. Oleh itu, bagi wanita yang menjaga tingkah laku dan pemikiran akan kelihatan lebih baik berbanding wanita yang tidak pandai menjaga maruah mereka. Pada zaman dahulu, dunia kecantikan tidak mempunyai sebarang peralatan moden seperti pensil kening, warna untuk mata, gincu bibir dan sebagainya. Mereka menggunakan bahan semulajadi untuk penjagaan wajah dan juga tubuh badan. Pelbagai amalan-amalan yang unik